

KATA-KATA ALUAN PRESIDEN MBBY MBBY PRESIDENT'S FOREWORD

Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Alhamdulillah, kita dapat bertemu lagi dalam ruangan ini untuk Bulletin MBBY, Bil 5, 2012. Kita sudah pun memasuki tahun 2012. Oleh itu, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Tahun Baru kepada semua.

Rasanya begitu pantas masa berlalu dan sepanjang masa itu, MBBY telah menjalankan pelbagai aktiviti bagi merencanakan perkembangan sastera kanak-kanak dan remaja di Malaysia. Kita semua maklum bahawa sastera kanak-kanak dan remaja di Malaysia masih memerlukan nafas baharu untuk berkembang. Sungguhpun banyak usaha dijalankan oleh pelbagai pihak, perkembangan tersebut masih belum menampakkan peningkatan yang jelas.

Oleh itu, MBBY sebagai sebuah badan yang mempunyai peranan dalam membangunkan sastera kanak-kanak dan remaja di Malaysia seharusnya boleh bangkit dan bergerak lebih aktif. MBBY juga boleh menjadi peneraju dalam bidang ini dan mengorak langkah serta bekerjasama dengan institusi dan organisasi seperti perpustakaan, sekolah, agensi dan syarikat penerbitan atau bergabung tenaga dengan persatuan penulis bagi melaksanakan program bagi membantu dan membangunkan penerbitan serta promosi bahan sastera kanak-kanak dan remaja di Malaysia mahupun luar negara.

Masih banyak yang perlu dilakukan dan saya percaya dengan pengalaman dan kepakaran yang ada pada ahli-ahli MBBY, banyak program boleh dijalankan. Saya menyeru semua ahli MBBY supaya bersama-sama mendekati badan-badan atau kumpulan ini di samping menjalankan dan menyokong aktiviti MBBY pada tahun-tahun akan datang.

Saya berbangga dengan segala usaha yang telah dijalankan sepanjang tahun 2011. Saya berharap aktiviti MBBY pada tahun 2012 akan memberi impak yang lebih besar pada dunia sastera kanak-kanak

► Lihat halaman 2

SIDANG EDITORIAL EDITORIAL MEMBERS

Penasihat/Advisors:

YBhg. Datin Paduka Hajah Shahaneem Hanoum
Encik Ahmad Redza Ahmad Khairuddin

Ketua Editor/Chief Editor:

Md Sidin Ahmad Ishak

Editor:

Siti Ezaleila Mustafa

Penulis/Writers:

Rosidah Ismail, Anita Mohd Jali, Fadli Abdullah,
Alimah Salam

Penerbit/Publisher:

Majlis Buku Kanak-Kanak & Remaja Malaysia
Malaysian Board on Books for Young Children
(MBBY)

d/a Perpustakaan Kuala Lumpur

No. 1, Jalan Raja,

50050 Kuala Lumpur.

Tel. : 03-2612 3500

Fax : 03- 2693 7313

Web : www.mbby.net

9

8

7

6

5

4

3

2

1

◀ dari halaman 1

dan remaja Malaysia. Banyak aktiviti telah dirancang oleh MBBY bagi tahun 2012. Antaranya seminar serantau yang meliputi pembentangan kertas kerja dari negara-negara Asia, bengkel penulisan, penerbitan, pemasaran, promosi dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan dunia perbukuan yang akan diadakan pada pertengahan tahun 2012 ini. Saya percaya lebih banyak aktiviti akan diusahakan agar kerelevanan sastera kanak-kanak dan remaja tidak akan mati dalam hati generasi muda.

Di sini saya mengambil kesempatan mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada semua ahli Majlis yang telah menjalankan tugas sepanjang tahun 2011.

Di kesempatan ini juga, saya dan ahli-ahli Majlis yang lain berasa berbangga atas kejayaan Naib Presiden MBBY, Encik Ahmad Redza Khairuddin yang kini menerajui badan induk sebagai Presiden IBBY. Saya percaya beliau dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan cemerlang. Saya juga percaya, pengalaman beliau sebagai Presiden IBBY dapat memberi manfaat dan hala tuju bagi membantu MBBY merencanakan lagi perkembangan sastera kanak-kanak dan remaja di Malaysia. Tempoh beliau menjadi Presiden IBBY akan berakhir pada bulan Julai 2012 dan saya berharap Encik Ahmad Redza dipilih bagi menerajui badan induk tersebut untuk satu penggal lagi. Sama-samalah kita berdoa agar beliau berjaya.

Diharapkan pada tahun 2012 ini, segala perancangan yang telah diatur dapat dilaksanakan dengan jayanya. Semoga MBBY akan terus maju dalam usaha memajukan aktiviti perbukuan demi generasi muda Malaysia. ►

Salam,

Datin Paduka Shahaneem Hanoum Dadameah
Presiden MBBY

HARI BUKU KANAK-KANAK ANTARABANGSA 2011 INTERNATIONAL CHILDREN'S BOOK DAY 2011

Kira-kira 1,000 keping poster Hari Kanak-Kanak Antarabangsa 2011 sumbangan Syarikat Pelangi Books mula diedarkan pada bulan Mac ke kedai-kedai buku terpilih dan perpustakaan awam serta sekolah melalui Jabatan Pelajaran Daerah dan Negeri di seluruh negara.

Sempena Hari Buku Kanak-kanak ini diraikan pada 2 April setiap tahun, MBBY turut mengadakan aktiviti berbentuk kekeluargaan, "My Family Picture Book" pada 16 April 2011 ini di Perpustakaan Taman Tun Dr. Ismail.

Aktiviti tersebut dimeriahkan dengan pembacaan dua buah buku cerita kepada kanak-kanak yang hadir oleh Presiden MBBY sendiri, YBhg. Datin Paduka Shahaneem Hanoum.

Aktiviti yang disertai oleh 15 keluarga ini bertujuan memupuk hubungan erat antara ibu bapa dengan anak-anak melalui aktiviti membaca di samping menanam minat dan kecintaan pada buku. ►
AMJ



9

8

7

6

5

4

3

2

1

PAMERAN KOLEKSI PILIHAN BUKU-BUKU CEMERLANG UNTUK ORANG KELAINAN UPAYA

EXHIBITION ON EXCELLENT BOOKS FOR PEOPLE WITH DISABILITIES

BUAT julung kalinya, Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM) dan Majlis Buku Kanak-kanak dan Remaja Malaysia (MBBY) mengadakan Pameran Koleksi Pilihan Buku-Buku Cemerlang untuk Orang Kelainan Upaya pada 27 Oktober hingga 2 November 2011 yang lepas di Perpustakaan Kuala Lumpur bersempena Festival Buku Kanak-Kanak 2011.

Pameran seumpama ini juga pernah diadakan di beberapa negara lain seperti Jepun pada tahun 2005 dan 2007, di Iran pada tahun 2005 dan di Indonesia pada tahun 2007.

Bahan pameran ini dipinjam daripada IBBY Documentation Centre of Books for Disabled Young People yang ditubuhkan pada tahun 1985 dan merupakan sebuah pusat yang menawarkan pelbagai perkhidmatan yang berkaitan dengan kanak-kanak yang mempunyai keperluan khas, termasuk khidmat dokumentasi, perundingan, dan penerbitan.

Koleksi buku yang dimiliki mereka merupakan hasil daripada projek antarabangsa yang dijalankan dengan kerjasama pelbagai pihak seperti UNSECO dan juga penerbit-penerbit luar yang berkaitan dengan IBBY.

Koleksi yang dipamerkan dalam pameran ini merupakan buku-buku cemerlang yang datang dari negara seluruh dunia, termasuk Jepun, Finland, Perancis, Sepanyol, England, Amerika Syarikat, Afrika Selatan, Italy, China, Korea Selatan, dan Iran.

Koleksi buku ini sangat unik kerana mempunyai kualiti sastera dan artistik yang sesuai untuk golongan yang tidak dapat menikmati buku-buku biasa, khususnya golongan yang mempunyai masalah penglihatan, pendengaran, mental dan sebagainya. Buku-buku ini mempunyai pendekatan berbeza misalnya buku pictogram, buku ilustrasi isyarat tangan, buku *tactile*, dan buku khas mudah-baca. ► FA



- 9
- 8
- 7
- 6
- 5
- 4
- 3
- 2
- 1

FESTIVAL BUKU KANAK-KANAK 2011 CHILDREN'S BOOK FESTIVAL 2011



MAJLIS Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM) dan Perbadanan Kota Buku telah menganjurkan Festival Buku Kanak-Kanak pada 27 Oktober hingga 2 November 2011 dengan kerjasama Perpustakaan Kuala Lumpur, Majlis Buku Kanak-Kanak dan Remaja Malaysia (MBBY), dan Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA).

Festival yang diadakan di Perpustakaan Kuala Lumpur @ Dataran Merdeka dan dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Y.Bhg. Datuk Dr. Khair bin Mohamad Yusof ini dianjurkan khas untuk

generasi muda bagi menggalakkan budaya membaca dalam diri mereka.

Sepanjang festival yang bertemakan "Riang Ria Membaca" ini, pelbagai pameran seperti Pameran Buku Kelainan Upaya IBBY (yang dibawa khas oleh MBBY dari Sweden), Pameran ilustrasi/Galeri Guru Malaysia hasil bengkel Penulisan dan Ilustrasi Buku Bergambar Kanak-kanak anjuran Kementerian Pendidikan, dan pameran ilustrasi oleh Persatuan Penulis dan Ilustrasi Buku Kanak-kanak di samping pameran dan jualan buku oleh lebih 20 buah penerbit yang mengambil bahagian.

Kumpulan Utusan telah menaja akhbar Utusan Malaysia setiap hari sepanjang Festival tersebut diadakan.

Selain itu, turut diadakan demonstrasi teknik bercerita dan origami oleh Puan Saki Sasamuri, Sesi Bertemu penulis, Pertandingan Bercerita peringkat Wilayah Persekutuan, Seminar Sastera Kanak-Kanak dan Remaja Malaysia, persembahan boneka, aktiviti mewarna, dan sesi bercerita.

Sempena Festival ini, MBBY turut melibatkan diri dengan mengadakan Forum Sastera Kanak-kanak dengan mengundang Encik Alireza Karimdadian (Iran), Puan Rosnah Awang (Dewan Bahasa dan Pustaka), dan Encik Poh Swee Hiang (Penerbitan Pelangi) sebagai ahli panel. Forum yang dipengerusikan oleh Profesor Dr Md Sidin Ahmad Ishak (Universiti Malaya) ini membincangkan pelbagai perkara berkaitan dunia perbukuan kanak-kanak dari perspektif penggiat industri sendiri, termasuk tabiat pembacaan dan genre bahan bacaan yang diminati oleh kanak-kanak dan remaja masa kini.

Di samping itu, sebanyak 15 kertas kerja telah dibentangkan dalam Seminar Sehari Kesusasteraan Kanak-kanak dan Remaja 2011 yang bertemakan "Hala Tuju Pembangunan Sastera Kanak-Kanak dan Remaja: Realiti dan Harapan" anjuran Universiti Pertanian Malaysia bagi meningkatkan kesedaran para peserta terhadap pentingnya sastera kanak-kanak dan remaja dalam pembangunan sosial semasa negara.

Semua aktiviti yang diadakan telah mendapat sambutan yang baik dari berbagai pihak iaitu kanak-kanak sekolah, pelajar-pelajar universiti dan juga orang awam. ► AS



9

8

7

6

5

4

3

2

1



Aktiviti sepanjang Festival Buku Kanak-kanak 2011 di Perpustakaan Kuala Lumpur

- 9
- 8
- 7
- 6
- 5
- 4
- 3
- 2
- 1

SIRI PENCERAMAH JEMPUTAN MBBY MBBY GUEST SPEKERS SIRIES

MEMPROMOSIKAN BUKU DAN PEMBACAAN: PENGALAMAN NAMI ISLAND, KOREA



Mr Kang Woo Hyon

PADA 15 November 2011 yang lepas, telah berlangsung ceramah bertajuk “Mempromosikan Buku dan Pembacaan: Pengalaman Nami Island, Korea” oleh Mr. Kang Woo Hyon, iaitu CEO Nami Island, di Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

Dalam ceramah tersebut, beliau menceritakan pengalamannya dalam menerajui Pulau Nami dan peranan organisasi tersebut dalam pembangunan buku kanak-kanak di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Yang menariknya, menurut beliau, pulau berkenaan telah mengisytiharkan kebebasan budayanya pada tahun 2006 dan dinamakan sebagai Naminara Republic (Namisum) yang mempunyai passport, mata wang, dan setem tersendiri.

Pulau yang menjadi tapak Festival Buku Kanak-kanak dan lain-lain acara kebudayaan yang berlangsung hampir setiap minggu juga merupakan tempat berkumpulnya golongan

artis menunjukkan bakat dan berkongsi idea termasuk para ilustrator buku kanak-kanak sehingga menjadikannya salah sebuah pusat pelancongan utama kebudayaan dan artistik di Korea.

Malah, Pulau Nami menunjukkan dedikasinya untuk memperbaiki mental dan fizikal kanak-kanak di seluruh dunia, termasuklah menjadi penaja utama Anugerah Hans Christian Andersen dan memberi sumbangan kepada UNICEF. ► FA

MENERBITKAN BUKU HANGAT DARI NEGARA PANAS: PENGALAMAN PENERBIT NEGARA EROPAH

CERAMAH “Publishing Warm Books From Warm Countries: Experience of a European Publisher” yang disampaikan oleh Mr. Vagn Plenge dari Penerbit Hjulet dan pengasas Pusat Kesusasteraan Afrika, Asia, Latin America dan Oceania diadakan pada 22 November 2011 lalu, di Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

Dalam ceramah tersebut, beliau berkongsi pengalaman dan cabaran yang dihadapinya dalam menerbitkan buku kanak-kanak daripada negara-negara bukan Eropah, seperti buku-buku dari negara Afrika, Asia dan juga Amerika Latin.

Baginya, buku kanak-kanak dari “negara panas” (negara membangun) amat kurang di negara Eropah sedangkan kanak-kanak memerlukan bahan bacaan yang pelbagai termasuk dari negara lain bagi membolehkan mereka mengetahui dan menghormati budaya yang ada di seluruh dunia.

Oleh itu, usaha untuk menerbitkan buku-buku kanak-kanak mengenai budaya asing, terutamanya dari negara-negara lain amat diperlukan dengan memberi perhatian pada beberapa perkara penting seperti kesahihan, identifikasi, dan idea.

Memandangkan kesukaran untuk mencari penerbit bersama di Norway dan Sweden menyebabkan beliau menerbitkan sendiri buku pilihannya yang memaparkan budaya rakyat bukan Eropah dengan penuh hormat dan bermaruah sama ada cerita lucu mahupun serius, memaparkan cerita kehidupan seharian mahupun cerita rakyat.

Beliau berpendapat bahawa apabila seseorang telah membaca sebuah buku yang mereka suka, mereka pasti akan mengesyorkan kepada orang lain supaya keseronokan yang diperoleh dapat dikongsi dengan orang lain. ► FA



Mr Vagn Plenge

9

8

7

6

5

4

3

2

1

KOTA BUKU: PELUANG MEMBANGUNKAN BUKU KANAK-KANAK

KOTA BUKU: OPPORTUNITY FOR CHILDREN'S BOOK DEVELOPMENT

PENUBUHAN Kota Buku Kuala Lumpur (KBKL) pada Julai 2011 yang diletakkan di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia dilihat sebagai satu usaha untuk mengumpulkan para penulis, penerbit dan pengedar buku di bawah satu bumbung dan menjadikan Kuala Lumpur sebagai pusat penerbitan, penulisan dan pengedaran buku.

Penubuhannya merupakan satu inisiatif yang bukan sahaja mampu untuk menggalakkan budaya membaca dalam kalangan masyarakat, tetapi juga membuka peluang kepada pihak industri untuk memperkenalkan dan mempromosikan segala aktiviti yang berkaitan dengan pembangunan buku, termasuk buku kanak-kanak.

Menurut Pengerusi Lembaga Perbadanan Kota Buku, Tan Sri Dr. Asiah Abu Samah, KBKL, sekarang ini giat menjalankan usaha untuk mempromosikan aktiviti-aktiviti dalam industri buku dan antaranya ialah aktiviti yang berkaitan dengan pembangunan buku kanak-kanak dan usaha untuk memperkenalkan industri berkenaan.

Ini merupakan peluang kepada pihak industri yang terlibat secara langsung dalam penerbitan buku kanak-kanak untuk mempromosi dan membangunkan industri ini, sekali gus dapat menarik minat ibu bapa untuk menggalakkan anak-anak mereka dengan budaya membaca.



Sesi Sumbang Saran Penggiat Industri Perbukuan Negara dan Perbadanan Kota Buku

Dalam Sesi Sumbang Saran Penggiat Industri Perbukuan Negara dan Perbadanan Kota Buku yang diadakan pada 26 hingga 27 Januari lalu, pelbagai pandangan dikemukakan daripada syarikat penerbitan dan pertubuhan bukan kerajaan seperti persatuan penulis, penterjemah, serta penggiat industri buku bersesuaian dengan bidang kepakaran dan kecenderungan masing-masing bagi menghidupkan dan merencanakan PBKL.

Timbalan Presiden Majlis Buku Kanak-kanak dan Remaja Malaysia (MBBY), Encik Ahmad Redza Khairuddin, yang juga merupakan Presiden International Board on Books for Young Children (IBBY), dalam sesi

itu menyarankan KBKL memberikan tumpuan kepada pembaca daripada generasi muda khususnya kanak-kanak serta mewujudkan ruang pameran untuk bahan dokumentasi industri perbukuan termasuk ilustrasi buku kanak-kanak.

Malah saranan juga diutarakan oleh Presiden Persatuan Editor Malaysia (PEM), Profesor Madya Dr Hamed Mohd Adnan, yang juga Ketua Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya, agar Kota Buku ini berupaya menawarkan sesuatu yang diperlukan oleh industri buku untuk berkembang seperti Kota Buku Paju di Korea Selatan. Oleh itu, tumpuan juga wajar diberikan pada pengumpulan dan pembinaan data kerana kekurangan ini amat ketara dalam industri buku di Malaysia.

Diharapkan, PBKL dapat dimanfaatkan dengan sebaik mungkin dalam usaha untuk membangunkan industri buku di negara ini, termasuk buku kanak-kanak. ► FA

- 9
- 8
- 7
- 6
- 5
- 4
- 3
- 2
- 1

AKTIVITI MBBY 2011 MBBY ACTIVITIES 2011

CERAMAH “BAGAIMANA MENULIS DAN MENGHASILKAN BUKU BERGAMBAR UNTUK KANAK-KANAK”

Ceramah “Bagaimana Menulis dan Menghasilkan Buku Bergambar untuk Kanak-kanak telah diadakan pada 25 April sempena Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2011 (PBAKL 2011) yang lalu di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur.

Ceramah selama dua jam ini disampaikan oleh Encik Yusof Ismail atau lebih dikenali sebagai Yusof Gajah yang berpengalaman luas dalam bidang ilustrasi dan buku bergambar untuk kanak-kanak.

Dalam ceramah tersebut, beliau menceritakan pengalamannya dengan menerangkan konsep buku bergambar dan cara untuk menghasilkan sesebuah karya kanak-kanak di samping memberi tips membukukan hasil-hasil karya mereka melalui syarikat-syarikat penerbitan.

Ceramah ini dihadiri oleh lebih kurang 30 peserta yang terdiri daripada ahli-ahli MBBY, penulis, pelajar, dan individu yang berminat dengan kesusasteraan kanak-kanak. ► *AMJ*

PELANCARAN BUKU *CUCU PAK NAYAN* DAN *AIMAN ANAK GAJAH*

Majlis pelancaran buku *Cucu Pak Nayan* karya Hj. Mohamad Salleh Mahyat dan *Aiman Anak Gajah* karya Puan Rahmaniah Hj. Kantan telah disempurnakan oleh Presiden MBBY, YBhg. Datin Paduka Hajah Shahaneem Hanoum pada 26 April 2011 di PWTC.

Yang menariknya, kedua-dua penulis berkenaan mempunyai hubungan yang rapat kerana Hj. Mohamad Salleh Mahyat merupakan guru kepada Puan Rahmaniah Hj. Kantan yang sentiasa memberi dorongan untuk menulis atau menghasilkan buku cerita kanak-kanak.

Pelancaran buku terbitan Pekan Ilmu Publications yang diadakan sempena PBAKL 2011 itu dilihat tepat pada masanya kerana ketika itu ibu bapa akan mencari bahan bacaan berkualiti untuk anak-anak mereka. ► *AMJ*

CERAMAH PENULISAN BUKU KANAK-KANAK DAN REMAJA

9 Pada 29 April 2011 yang lalu, MBBY telah menganjurkan ceramah berjudul Penulisan Buku Kanak-kanak dan Remaja di Bilik Kedah-Johor, PWTC sempena PBAKL 2011.

8 Ceramah tersebut disampaikan oleh Puan Izzah Abd. Aziz, mantan Pengarah Bahagian Sastera Kanak-kanak dan Remaja, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang juga merupakan seorang ketua editor berpengalaman dalam penghasilan buku cerita kanak-kanak dan remaja.

7 Dalam ceramah itu, para peserta seramai lebih kurang 25 orang yang terdiri daripada ahli MBBY dan individu-individu yang berminat dengan penulisan buku kanak-kanak serta remaja diberi penerangan berkenaan cara menghasilkan sebuah buku cerita kanak-kanak yang berkualiti dan boleh dibawa ke pasaran antarabangsa di samping didedahkan dengan karya-karya bermutu yang pernah diterbitkan oleh DBP. ► *AMJ*

6

5

4

3

2

1

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN MBBY 2011

Mesyuarat Agung Tahunan MBBY telah diadakan pada 11 Jun 2011 di Auditorium Perpustakaan Kuala Lumpur dan dihadiri seramai lebih kurang 30 ahli.

Pemilihan Ahli Majlis Tertinggi untuk penggal 2011-2013 turut dilakukan dalam mesyuarat agung ini dan keputusan adalah seperti yang berikut:

Presiden: Y.Bhg. Datin Paduka Hjh. Shahaneem Hanoum Dadameah
Timbalan Presiden: Encik Ahmad Redza bin Ahmad Khairuddin
Bendahari: Encik Poh Swee Hiang
Setiausaha: Puan Rosidah Ismail
Penolong Setiausaha: Puan Anita Mohd Jali
Ex-Officio: Wakil MBKM

Ahli Jawatankuasa: 1. Y.Bhg Puan Sri Norkhayati Hashim
2. Prof. Dr Md Sidin Ahmad Ishak
3. Hajah Alimah Salam
4. Puan Siti Rodziah Othman
5. Encik Zulkifli Latiff
6. Encik Mohd Yusof Ismail

Juruaudit: 1. Encik M.T. Balan
2. Puan Rozida Ismail

Selain itu, mesyuarat agung ini turut dihadiri oleh Pengarah Majlis buku Kebangsaan Malaysia (MBKM), Dr. A'Azmi Shahri yang sentiasa membantu dan menyokong kegiatan dan usaha MBBY menghasilkan bahan bacaan untuk golongan muda. ► *AMJ*

MAJLIS BERBUKA PUASA AHLI MAJLIS TERTINGGI MBBY

Sempena Ramadan yang lalu, majlis berbuka puasa yang dihoskan oleh Presiden MBBY, YBhg. Datin Paduka Hajah Shahaneem Hanoum, telah diadakan pada 18 Ogos 2011 di Hotel De Palma, Shah Alam, Selangor.

Majlis yang dihadiri oleh ahli MBBY bersama keluarga masing-masing ini menjadi ruang untuk beramah mesra dan mengukuhkan ikatan silaturahim agar kerjasama yang erat dapat dijalinan walaupun mereka dari latar belakang yang berlainan. ► *AMJ*

9

8

7

6

5

4

3

2

1